

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **Panasonic Malaysia Melancarkan Pusat Penyelesaian Baharu HOME·2·COM**

**Menghimpunkan tenaga Kumpulan Panasonic untuk mengadakan pameran penyelesaian menyeluruh yang berinovatif dan luar biasa.**

*“Tiada Tugas yang Lebih Penting Melainkan Mencipta Tempat Tinggal”*  
KONOSUKE MATSUSHITA, PENGASAS

**Kuala Lumpur, 22 Mac 2017** - Panasonic Malaysia melancarkan Pusat Penyelesaian Baharu HOME·2·COM secara rasminya di Vertical Podium, Bangsar South, Kuala Lumpur.

Pusat Penyelesaian HOME·2·COM Panasonic ini merupakan yang pertama seumpamanya di rantau ASEAN yang akan menjadi platform dalam membekalkan rujukan dan inspirasi bagi pelbagai segmen B2B (niaga-ke-niaga), mempamerkan pelbagai teknologi yang sesuai untuk digunakan di Rumah, Bandar dan Tempat Komersial, lantas diberi nama HOME·2·COM

HOME·2·COM yang terletak di tengah-tengah Bangsar South dan melalui sokongan hebat daripada Kumpulan UOA, HOME·2·COM bakal menjadi salah satu tumpuan terletak di Vertical Podium selain daripada elemen menyerlah yang lain seperti outlet F&B, hotel, menara korporat, dewan acara & majlis, bank dan lain-lain.

En. Cheng Chee Chung selaku Pengarah Urusan Panasonic Malaysia berkata, “Panasonic yang ditubuhkan sejak 41 tahun yang lalu sentiasa dikenali sebagai jenama elektronik pengguna. Kita mendapat kepercayaan orang Malaysia dengan pelbagai rangkaian produk yang meluas.”

“Sejak tahun 1996 lagi, Panasonic Malaysia sudah aktif menceburi perniagaan projek dan memperoleh urusan niaga utama” tambah Cheng.

HOME·2·COM mempamerkan barisan produk & penyelesaian yang menyeluruh dalam kategori kualiti udara dalaman (IAQ), tenaga & pencahayaan LED, sekuriti, komunikasi, AV profesional, penyelesaian pintar & perkakas gaya hidup.

Cheng menambah, “Pusat Penyelesaian HOME·2·COM menjadi bukti konsep, dengan membenarkan penglibatan secara langsung dengan pelanggan kami dalam segmen B2B (niaga-ke-niaga) yang diilhamkan oleh penyelesaian bersepadu sepenuhnya yang ditawarkan Panasonic.”

Beberapa maklumat penting bagi Pusat tersebut adalah seperti berikut (keterangan terperinci boleh didapati dalam folder):

- Konsep pameran 3 x 5 Matriks
- Pameran produk & teknologi ShoKuNin Panasonic
- Penyelesaian Meja Depan
- Sistem Rangkaian Rumah
- Dapur Sistem, Simpanan Pintar & Perkakas Terbina Dalam Dapur
- Papan Tanda Digital & Penyelesaian ID Sinaran Linkray
- Penyaman Udara Komersial (VRF)
- IAQ & Rumah Tenaga Menampilkan konsep aliran bekalan udara, pembersihan, peredaran & ekzos udara)
- Sistem Rumah Pintar (kawalan & pengautomatan pencahayaan LED, penyaman udara, TV, robot rulo, pembersih udara, kipas siling & lain-lain)
- Sistem Kamera Sekuriti Bersepadu
- Sistem akses & pengurusan parkir kereta
- Sistem Pratuang Dinding Kediaman & Rumah Panasonic, PureTech & KiraTech
- Sistem Komunikasi HD
- Pemetaan Unjuran & Penyelesaian Adunan Kelebihan
- Paparan Skrin Sengit
- Penyiaran 4K & Kamera Profesional

Berlainan daripada templat pameran teknologi konvensional yang lain, Panasonic memberi tumpuan terperinci untuk menyuaikan konsep rekaan Pusat Penyelesaian HOME·2·COM dengan memikirkan gaya hidup sederhana & tetapan inspirasi, serta menggabungkan elemen keluli hitam, konkrit mentah, gelas, kerja bata hangat, ciri bijirin kayu & semangat seni. Pusat ini bakal memberikan keseimbangan sebagai pameran teknologi dan membekalkan kehangatan ruang dengan tetapan sempurna untuk mengilhamkan dan memperuntukkan keadaan minda seseorang dalam mengkonsepkan pelbagai idea & perkakas gaya hidup.

Jenis pengunjung yang disasarkan adalah seperti berikut:

- Pembangun Hartanah
- Perunding
- Arkitek & Pereka Bentuk
- Pemilik Hotel
- Pengurus Projek
- Pengurusan Bangunan & Kemudahan
- Majlis Perbandaran

Pameran ini juga sesuai untuk pengunjung berikut:

- Sektor Pendidikan
- Industri Pengangkutan
- Industri Perbankan
- Pelbagai MNC
- SME & SMI
- Pekerja Pakar
- GLC
- Banyak lagi



Pusat Penyelesaian HOME·2·COM Panasonic

Unit G-2, G Floor, The Vertical Podium, Bangsar South, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur

Tel: 03- 22421326 (Dibuka Setiap Hari 10pg-5ptg, Ditutup pada Hari Sabtu, Ahad & Cuti Umum)

## Tentang Panasonic

Perbadanan Panasonic merupakan peneraju seluruh dunia dalam pembangunan teknologi dan penyelesaian elektronik yang meluas untuk pelanggan dalam elektronik pengguna, perumahan, automotif, penyelesaian perusahaan dan industri peranti. Sejak diasaskan pada tahun 1918, syarikat ini dikembangkan secara global dan kini mengendalikan 474 buah subsidiari dan 94 buah syarikat sekutu di seluruh dunia. Panasonic mencatat rekod jualan bersih gabungan sebanyak 7.553 trillion yen bagi tahun yang berakhir pada 31 Mac 2016. Panasonic komited untuk mengejar nilai baharu melalui inovasi serata barisan produk bahagian dan menggunakan teknologinya untuk mencipta kehidupan dan dunia yang lebih baik untuk penggunaanya. Ketahui lebih lanjut tentang Panasonic di: <http://www.panasonic.com/global>.

## Tentang Panasonic Malaysia

Panasonic Malaysia Sdn Bhd merupakan syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi produk elektrik dan elektronik antaranya audio visual, perkakas rumah, penyaman udara, kualiti udara dalaman, perniagaan solar, kamera digital & video, peralatan penyiaran profesional, penyelesaian sistem, telekomunikasi, penjagaan kesihatan & kecantikan, bateri dan pencahayaan. Semua produk Panasonic boleh didapati melalui pengedar sah di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut tentang produk dan jenama Panasonic, layari laman web kami di [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk rakan media, muat turun acara, siaran akhbar produk dan foto di [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com)

Media Contact: Mazlee Mokhtar  
Manager, Corporate Communications & Branding  
Marketing Innovation Department  
Panasonic Malaysia Sdn Bhd  
Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 0722  
Email: [mazlee.mokhtar@my.panasonic.com](mailto:mazlee.mokhtar@my.panasonic.com)